



SYARAHAN UMUM

"CANADA MALAYSIA PARTNERSHIP" JULIA G. BENTLEY

Oleh : Suhaiza Ghazali

UniMAP telah menerima kunjungan PYT Julia G. Bentley selaku Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Malaysia untuk menyampaikan syarahan bertajuk 'Canada Malaysia Partnership'. Bertempat di Auditorium Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, syarahan ini telah dihadiri oleh 127 orang pelajar serta staf akademik UniMAP.

Dalam syarahan yang sama beliau juga turut berkongsi serba sedikit mengenai peluang melanjutkan pelajaran ke Kanada bagi pelajar serta staf akademik yang berminat. Syarahan ini mendapat sambutan positif apabila sesi syarahan diakhiri dengan sesi soal jawab dari pelajar-pelajar dan staf akademik.

Beliau terlebih dulu telah mengadakan sesi perbincangan mengenai pelbagai kerjasama dua hala dengan pihak Pengurusan Tertinggi UniMAP dan turut melawat sekitar Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra.

